

TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HJ NOOR
KETUA MENTERI SABAH
SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN KETUA ANAK NEGERI,
WAKIL KETUA ANAK NEGERI, KETUA MASYARAKAT CINA DAN KETUA
KAMPUNG BAGI KAWASAN N12 SULAMAN DAN N13 PANTAI DALIT DI DEWAN
SERI SULAMAN, TUARAN
9 FEBRUARI, 2021

1. Alhamdulillah kerana dengan izinNya kita dapat bersama-sama pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ketua Anak Negeri, Wakil Ketua Anak Negeri, Ketua Masyarakat Cina dan Ketua Kampung bagi kawasan N.12 Sulaman dan N.13 Pantai Dalit pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah dilantik dan bakal menerima watikah pelantikan hari ini. Saya mempunyai keyakinan yang tinggi dan percaya anda semua mampu menggalas tanggungjawab yang telah diamanahkan ini.
3. Dengan pelantikan ini, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat membantu kerajaan dalam merealisasikan aspirasi rakyat sekali gus memastikan mandat rakyat tidak disia-siakan dan boleh membantu dan memajukan masyarakat di daerah ini. Sebagai pemimpin di peringkat akar umbi, tuan-tuan dan puan-puan turut membantu mengerakkan dan merencanakan pembangunan di daerah ini.
4. Saya mengharapkan ketua-ketua adat yang dilantik akan dapat memainkan peranan dan menjalankan segala tugas dengan integriti dan bertanggungjawab, khususnya dalam memartabatkan Institusi Mahkamah Anak Negeri (MAN) di Sabah. Institusi Mahkamah Anak Negeri adalah pengiktirafan kerajaan terhadap pribumi di Sabah khususnya dalam memartabatkan dan memelihara adat dan kebajikan rakyat pelbagai kaum di negeri ini.
5. Kerajaan telah melantik ketua-ketua kaum seperti Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri dan Wakil Ketua Anak Negeri untuk menganggotai Mahkamah Anak Negeri bagi mengadili sebarang kesalahan adat seperti perbicaraan kes yang ada kaitan dengan adat resam kaum yang ada di negeri ini.
6. Justeru, saya mahu semua yang dilantik hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan berkenaan bidang tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan selain menjaga tingkah laku masing-masing demi menjaga imej Mahkamah Anak Negeri.
Hadirin yang dihormati sekalian
7. Bagi ketua kampung dan Ketua Masyarakat Cina yang telah dilantik ke jawatan masing-masing, mereka adalah pemimpin yang paling penting di peringkat akar umbi. Saya berharap Ketua Masyarakat Cina dan Ketua Kampung yang telah dilantik dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab secara profesional tanpa mengira fahaman politik, kepercayaan agama dan bangsa penduduk di kawasan pentadbiran masing-masing.

8. Sebagai pemimpin yang paling dekat dengan masyarakat, ketua kampung dan Ketua Masyarakat Cina perlu menjadi mata dan telinga kerajaan untuk mengetahui apa juga masalah rakyat sama ada dalam aspek ekonomi dan sosial di kawasan masing-masing. Tugas sebagai ketua kampung dan Ketua Masyarakat Cina tidak semudah disangka ditambah dengan harapan yang tinggi daripada penduduk.

9. Selepas menerajui pemerintahan negeri Sabah menerusi Gabungan Rakyat Sabah (GRS), saya telah memperkenalkan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) selama lima tahun sehingga 2025. Hala tuju Sabah Maju Jaya ini bertujuan merencanakan semula pembangunan di Sabah dan berfungsi sebagai panduan arah pelaksanaan secara terancang bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan berdasarkan keperluan pembangunan negeri, seiring dengan kerangka utama pembangunan negara melalui Wawasan Kemakmuran Bersama.

10. Saya berharap dalam merealisasikan hala tuju ini, semua pemimpin di peringkat akar umbi yang baharu dilantik ini akan membantu menjayakannya, termasuk memberi penerangan dengan lebih jelas apa yang terkandung dalam hala tuju ini kepada rakyat di kawasan masing-masing.

11. Ketika ini kita berdepan dengan krisis kesihatan akibat penularan COVID-19 di seluruh dunia, tidak terkecuali di Sabah. Pandemik ini bukan saja menjejaskan ekonomi negara malah juga rakyat secara keseluruhannya apabila ada yang terpaksa berhenti kerja dan perniagaan terjejas.

12. Justeru, sempena majlis ini juga dan dalam usaha memastikan semua rakyat yang terjejas akibat COVID-19 ini dapat dibantu tanpa mengira fahaman politik, sukacita saya mengumumkan peruntukan khas RM100,000.00 kepada semua 31 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pembangkang di negeri ini.

13. Peruntukan khas kepada setiap seorang wakil rakyat pembangkang itu adalah atas rasa tanggungjawab sebagai Ketua Menteri dan keprihatinan Kerajaan Gabungan Rakyat Sabah untuk membantu mereka menangani masalah di kawasan masing-masing. Peruntukan ini adalah untuk membantu wakil rakyat pembangkang dalam usaha meringankan beban rakyat di kawasan mereka akibat pandemik ini.

14. Saya berharap peruntukan khas yang membabitkan jumlah keseluruhan RM3.1 juta ini dapat membantu memberi keselesaan kepada rakyat di kawasan DUN yang diwakili pembangkang. Peruntukan ini akan disalurkan secepat mungkin kepada semua ADUN pembangkang menerusi Pejabat Daerah di kawasan masing-masing.

15. Sebagai mengakhiri ucapan, sekali lagi saya berpesan dan berharap kepada semua yang telah dilantik agar menggunakan peluang ini untuk menunjukkan bakat kepimpinan yang ada dalam diri. Janganlah segan untuk memberikan idea dan pandangan dalam usaha memaju serta membantu masyarakat di kawasan masing-masing.

16. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kepada semua masyarakat Cina Selamat Tahun Baharu 2021 dan semoga tahun lembu ini akan membawa sinar harapan, kekuatan, kebahagiaan dan kesihatan yang baik kepada saudara-saudari serta keluarga.

Dengan Lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan majlis ini.